

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN ABD  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 23.3.2015  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapa banyak jumlah kos yang perlu dibayar oleh Kementerian kepada Kontraktor/ pengusaha PLKN di seluruh negara akibat penangguhan program PLKN sepanjang tahun 2015 dan apakah nasib staf-staf yang bertugas dengan PLKN.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Pertahanan telah mengadakan perbincangan dengan kontraktor/pembekal yang mempunyai kontrak dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN). Implikasi penangguhan ini memerlukan tempoh kontrak dilanjutkan dengan mengambil kira perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh kontraktor/pembekal dibayar berdasarkan penggunaan dan perkhidmatan yang disediakan. Keputusan berhubung perkara ini telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.**

**Kakitangan di ibu pejabat JLKN akan kekal bagi melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan. Manakala kakitangan di kem-kem PLKN akan dibuat penempatan semula secara sementara di agensi awam yang lain.**